

**Parlimen: Pendakwaan Kes Rasuah Kuasa Mutlak Peguam Negara - Nazri  
Bernama  
18 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Kerajaan tidak bercadang meminda Perlembagaan Persekutuan bagi memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau badan lain untuk mendakwa seseorang yang terlibat dalam kes rasuah tanpa merujuk kepada Peguam Negara, persidangan Dewan Rakyat diberitahu Isnin.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata jika SPRM atau badan lain diberi kuasa itu, usaha mewujudkan pemikiran bebas dalam pertimbangan fakta dan keterangan sesuatu kes tidak akan dapat dilakukan.

"Kuasa itu hanya terletak pada Peguam Negara seperti termaktub dalam Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.

"Fasal (3) Perkara 145 menyatakan Peguam Negara mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan, selain prosiding di hadapan Mahkamah Syariah, Mahkamah Anak Negeri dan Mahkamah Tentera," katanya.

Mohamed Nazri berkata demikian semasa menjawab soalan Gobind Singh Deo (DAP-Puchong) yang ingin tahu sama ada kerajaan bersedia meminda Perlembagaan Persekutuan untuk memberi kuasa kepada SPRM atau badan lain bagi mendakwa seseorang terlibat kes rasuah.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=673758>